

# KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

Sernama News | Siaran Akhbar 1 26/03/2010

UNTUK PERHATIAN EDITOR, MEJA AM

Bangi, Selangor, 26 Mac 2010 Pelajar-pelajar lepasan SPM Dan STPM Yang masih mencari-cari peluang untuk menyambung pengajian boleh mengunjungi Hari Terbuka Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang akan diadakan pada 26 Hingga 28 Mac Ini.

Program selama tiga hari itu diadakan bertujuan memberi pendedahan dan penerangan kepada lepasan SPM dan STPM serta ibu bapa tentang program-program pengajian yang ditawarkan serta syarat-syarat kelayakan kemasukan KUIS.

Pelajar-pelajar berpeluang bertemu dan mendapatkan maklumat secara terus dengan dekan-dekan dan juga pensyarah-pensyarah bagi setiap bidang pengajian yang bersesuaian di peringkat diploma, ijazah dan pasca siswazah.

Surat tawaran akan diberikan terus kepada pelajar yang membuat permohonan semasa Hari Terbuka tersebut yang dibuka kepada pengunjung bermula jam 9.00 pagi sehingga 5 petang.

Sebanyak 35 gerai pameran akan mengambil bahagian dan pelbagai acara menarik disediakan antaranya gerai pameran pendidikan dan kerjaya, taklimat kerjaya, ujian personaliti diri, ujian tahap kecekapan IT, pemeriksaan kesihatan dan permohonan terbuka KUIS. Pelajar-pelajar yang ingin membuat permohonan pada hari tersebut dikehendaki membawa bersama salinan Mykad dan salinan sijil-sijil SPM dan STPM yang telah disahkan.

KUIS merupakan sebuah IPTS yang ditubuhkan pada tahun 1995 bertujuan melahirkan lebih ramai profesional Islam yang mampu memimpin masyarakat serta membangun dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam.

Antara bidang pengajian yang ditawarkan termasuk pengajian Islam, pengajian perniagaan, perbankan Islam, bahasa dan komunikasi, ICT dan multimedia, kejururawatan dan pendidikan.

Selain itu, KUIS turut menawarkan program-program asasi sebagai persediaan untuk program ijazah antaranya asasi pengajian Islam, pengurusan perniagaan, teknologi maklumat, bahasa Arab dan komunikasi.

Pelajar-pelajar yang mempunyai 5 kredit dalam SPM berpeluang mengikuti program

asasi yang mendapat penajaan sepenuhnya Tabung Biasiswa Rektor KUIS.

KUIS yang menasarkan 3,500 orang pelajar pada sesi kemasukan Mei ini akan mula menerima pendaftaran peLajar baru pada 3 Mei depan.

Pelajar-peLajar yang berminat bolehLah mengunjungi Hari Terbuka KUIS atau layari [www.kuis.edu.my](http://www.kuis.edu.my) atau hubungi 03-89254251 / 03-89265476 untuk makLumat Lanjut.

SUMBER : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

UNTUK MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI:

NAMA : Nur AdzLin Ishak

Pengurus

Jabatan Pembangunan Korporat dan Pengantarabangsaan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa SeLangor (KUIS)

TEL : 03-89254251

FAKS : 03-89268462

TARIKH SIARAN : 2 MAC 2010

DISIARKAN OLEN PERHUBUNGAN MEDIA & PENGURUSAN ACARA BERNAMA